

07 FEB 1998

Anwar-BPA

MEKANISME BPA DIGUNAKAN UNTUK GALAK PERDAGANGAN ASEAN

KUALA LUMPUR, 7 Feb (Bernama) -- Peraturan Pembayaran Dua Hala (BPA - Bilateral Payment Arrangement] akan digunakan untuk menggalakkan perdagangan antara negara-negara Asean, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan hari ini.

Selain meningkatkan perdagangan antara negara Asean, mekanisme BPA itu dapat menggalakkan penggunaan matawang masing-masing dalam urusan berkenaan, katanya pada persidangan berita di Jabatan Perdana Menteri.

Sebuah jawatankuasa mengandungi kementerian-kementerian berkenaan telah juga dibentuk bagi menyenaraikan komoditi yang berupaya dieksport oleh Malaysia ke negara-negara Asean serta bahan-bahan yang boleh diimport dari kalangan negara anggota Asean.

Anwar menyenaraikan dua langkah itu sebagai susulan kepada pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai usaha menggalakkan perdagangan antara negara-negara Asean.

"Saya tidak lihat banyak sangat kerumitan kerana hal ini mudah dilakukan berdasarkan pengalaman kita dengan Singapura," katanya.

Menurutnya, jumlah dagangan antara Malaysia dan Singapura kini berada pada tahap tinggi dan meningkat serta menggunakan matawang ringgit dan dolar Singapura.

Kita menggunakan kedua-dua ringgit dan dolar Singapura walaupun ia terpaksa kepada dolar AS. Malaysia mengimport barangan dari Singapura dengan menggunakan dolar Singapura manakala republik itu mengimport barangan Malaysia dengan menggunakan ringgit.

Anwar berkata langkah itu boleh dicontohi oleh negara-negara Asean lain walaupun ia dapat diperkemas lagi.

Katanya, mekanisme BPA itu setakat ini tidak diperlukan dalam urusan perdagangan antara Malaysia dengan Singapura memandangkan jumlah perdagangan yang besar.

"BPA ini dianggap satu instrumen yang kecil sahaja kerana ia umumnya diperkenalkan bagi negara-negara yang belum mempunyai perdagangan dengan negara kita.

"Tetapi dalam konteks untuk memberikan laluan, ruang dan peluang yang lebih kepada perdagangan antara negara-negara Asean, kita akan teruskan mekanisme BPA," katanya.

Malaysia sebelum ini telah memperkenalkan kaedah BPA itu untuk menggalakkan perdagangan di kalangan negara-negara Selatan.

Anwar berkata langkah mengadakan usaha meningkatkan perdagangan antara negara-negara Asean itu perlu diambil kerana perkara itu telah mendapat kesepakatan.

Dr Mahathir berada di Singapura hari ini untuk mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Goh Chok Tong dalam usaha meningkatkan perdagangan antara negara-negara Asean serta membincangkan perkembangan ekonomi serantau.

Beliau turut bertemu Presiden Filipina Fidel Ramos di Manila dan Perdana Menteri Thai Chuan Leekpai di Bangkok dalam tempoh tiga hari lepas bagi membincangkan perkara itu. -- Bernama

AZZ WAT